

# KHUTBAH AIDILADHA

1445 HIJRAH / 2024 MASIHI • خطبة عيد الأضحى



# KHUTBAH AIDILADHA 1445 H

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

## KHUTBAH PERTAMA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.

(الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَاوِيٌّ مِنَ الذُّلِّ  
وَكَثِيرُهُ تَكْبِيرًا ﴿١٥٠﴾)

أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير.  
وأشهد أن محمدًا عبده ورسوله، البدر الدجى والسراج المنير.

اللهم صل وسلم وبارك على محمد أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين والتابعين  
يا حسان إلى يوم الدين. أما بعد.

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾)

*“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dan bercakplah perkataan yang benar. Nescaya Allah memperbaiki bagi kamu amalan-amalan kamu dan mengampunkan bagi kamu dosa-dosa kamu. Dan sesiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya, dia telah mendapat kemenangan yang besar.” (Surah al-Ahzab: 70-71)*

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah!

Hari ini, kita menyambut Hari Raya Aidiladha atau Korban, bersempena dengan ibadah korban dan ibadah haji yang berkait dengan sejarah Nabi Ibrahim AS, Abu al-‘Anbiya (bapa kepada para nabi) yang menjadi kebanggaan penganut semua agama (Islam, Yahudi, Nasrani, dan Musyrikin).

Allah SWT menegaskan dengan firmanNya:

(مَا كَانَ إِبْرَاهِيمَ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَكِنْ كَانَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾ إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِإِبْرَاهِيمَ لَلَّذِينَ اتَّبَعُوهُ وَهَذَا النَّبِيُّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾)

*“Bukanlah Ibrahim itu Yahudi dan bukan juga Nasrani (Kristian), tetapi dia menganut agama yang benar, iaitu dia seorang Islam dan dia bukannya Musyrikin (beragama syirik). (67) Sesungguhnya, manusia yang lebih layak bersama Ibrahim ialah pengikutnya (yang setia bersama islam) dan nabi ini (Muhammad SAW) serta orang-orang yang beriman (bersamanya), dan Allah menjadi pelindung dan penolong kepada orang-orang yang beriman. (68)” (Surah Ali ‘Imran: 67-68)*

Ayat ini menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim AS mengikuti agama Islam, berdakwah dan berjuang menegakkannya menjadi agama yang mulia dan

menolak segala agama yang lain daripada Islam, sama ada agama yang mempunyai kitab (Yahudi dan Kristian) mahupun semua agama Musyrikin.

Firman Allah SWT:

(وَمَنْ يَرْغَبْ عَنْ مِلَّةِ إِبْرَاهِيمَ إِلَّا مَنْ سَفِهَ نَفْسَهُ وَلَقَدْ اصْطَفَيْنَاهُ فِي الدُّنْيَا وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٣٠﴾ إِذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمْ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٣١﴾ وَوَصَّى بِهَا إِبْرَاهِيمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يَبْنَئِ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَى لَكُمْ الدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٢﴾)

*“Dan sesiapa yang benci akan agama Ibrahim (Islam), maka orang itu membodohkan dirinya sendiri. Dan sesungguhnya, kami memilihnya di dunia (menjadi rasul). Dan sesungguhnya, pada Hari Akhirat, dia dimasukkan dalam kalangan orang-orang yang soleh. (130) Apabila Tuhan berkata kepadanya, ‘Serahlah diri (menjadi Islam)!’ Ibrahim berkata, ‘Saya menyerah diri (menjadi seorang Islam) dengan ikhlas kerana Allah.’ (131) Ibrahim juga memberikan wasiat kepada anak-anaknya, begitu juga Nabi Ya‘akub, ‘Wahai anak-anakku, sesungguhnya, Allah memilih kepada kamu satu agam (Islam)! Maka, janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan mengikut Islam.’ (132)”*  
**(Surah al-Baqarah: 130-132)**

Islam ialah agama petunjuk Allah Yang Maha Mengetahui berkenaan makhluknya, termasuk manusia yang memiliki akal, jasad, ruh, dan bermasyarakat. Maka, sesiapa yang menolak Islam akan menjadi sesat dan bodoh kerana tidak mengikut akal yang betul dengan petunjuk Allah dan tidak menepati kejadian manusia yang berbeza dengan makhluk yang lain.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah!

Allah memilih Nabi Ibrahim AS setelah menganut Islam dengan menguji kesetiaan dan ketaatannya kepada Allah.

Firman Allah SWT:

(وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴿١٢٤﴾)

*“Dan ingatlah ketika Allah menguji Nabi Ibrahim AS beberapa firman-Nya (dengan perintahnya dan larangan), lalu dia menunaikannya (dengan sempurna dan ikhlas). Allah berkata, ‘Sesungguhnya, Aku jadikanmu sebagai pemimpin manusia.’ Ibrahim menjawab (dengan berdoa), ‘Jadikanlah juga zuriat keturunanku.’ Allah menjawab, ‘Janji-Ku ini tidak dimasukkan orang-orang yang zalim (tidak mengikuti Islam).” (Surah al-Baqarah: 124)*

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah!

Ujian yang paling hebat ialah berpegang dengan keimanan kepada Allah sebagai Tuhan Yang Maha Esa, tiada lagi tuhan lain daripada-Nya. Nabi Ibrahim AS menghadapi Raja Namrud yang zalim dan mengaku berkuasa seperti Tuhan, malah kerajaannya juga ialah kuasa besar dunia pada zaman itu, sehingga Nabi Ibrahim AS dihukum bakar di dalam api yang besar. Akan tetapi, Baginda diselamatkan oleh Allah dengan mukjizat tidak hangus dimakan api.

Firman Allah SWT:

(قَالُوا حَرِّقُوهُ وَانصُرُوا آلِهَتَكُمْ إِن كُنْتُمْ فَاعِلِينَ ﴿٦٨﴾ قُلْنَا يَنَارُ كُونِي بَرْدًا وَسَلَامًا عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ ﴿٦٩﴾ وَأَرَادُوا بِهِ كَيْدًا فَجَعَلْنَاهُمُ الْأَخْسَرِينَ ﴿٧٠﴾)

*“Mereka berkata, ‘Bakarlah dia dan tolonglah tuhan-tuhan kamu kalau kamu mahu (jatuhkan hukuman keatasnya)!’ (68) Kami (Allah) berfirman, ‘Wahai api, jadilah sejuk dan selamat sejahtera kepada Ibrahim!’ (69) Mereka merancang (membunuh Ibrahim), lalu Allah menjadikan mereka orang-orang yang rugi. (70)” (Surah al-Anbiya’: 68-70)*

Allah memerintahkan Ibrahim AS dengan ujian supaya meletakkan anaknya, Nabi Ismail AS ditemani ibunya, Hajar AS di bumi Makkah yang kering tiada tanaman, air dan makanan. Tiba-tiba, mereka diberikan berkat kurniaan

Allah dengan rezeki yang melimpah. Kemudian, lahir daripada zuriat mereka nabi akhir zaman, Muhammad SAW membawa agama Islam kepada seluruh manusia, agama tauhid yang mengesakan Allah dan menolak syirik (adanya tuhan-tuhan yang lain daripada Allah).

Ibrahim AS diperintahkan oleh Allah supaya menyeru manusia berhimpun di Makkah untuk menunaikan ibadah haji.

Firman Allah SWT:

(وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾)

*“Dan serulah manusia supaya mereka datang kepadamu dalam keadaan berjalan kaki dan menunggang unta sehingga kurus dari perjalanan yang jauh.” (Surah al-Hajj: 27)*

Pada masa ibadah haji, mereka melaungkan suara tauhid mengesakan Allah:

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ. إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ.

*“Ya, wahai Tuhanku, ya! Ya, Tiada sekutu bagi-Mu. Sesungguhnya, segala kepujian, ni‘mat, dan kerajaan menjadi milik-Mu. Tiada sekutu bagi-Mu.”*

Hal ini bermakna, kita menolak ibadah kepada selain Allah dan menolak pemerintahan negara dengan undang-undang yang tidak diizinkan oleh Allah. Syirik bukan sahaja menyembah makhluk dalam perkara ibadah, bahkan termasuk juga dalam perkara hukum syariah dan undang-undang.

Firman Allah SWT:

(أَمْ لَهُمْ شُرَكَوُا شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ وَلَوْلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ لَفُضِيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٨﴾)



“Adakah mereka mempunyai sekutu-sekutu (lain daripada Allah) yang mengadakan hukum-hukum syariah (undang-undang) dalam perkara yang tidak diizinkan oleh Allah? Maka, kalau tidak kerana adanya perintah (perbicaraan pada Hari Kiamat nanti), nescaya mereka dihukum di dunia ini, dan sesungguhnya, bagi orang-orang yang zalim itu azab yang sangat menyeksakan.” (Surah al-Syura: 21)

Allah juga memberikan amaran kepada sesiapa yang mencipta undang-undang dan menamakannya dengan syariah.

Firman Allah SWT:

(فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا  
فَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ ﴿٧٨﴾)

“Maka, celakalah ke dalam gaung neraka mereka yang menulis dengan tangan-tangan mereka, kemudian menamakannya hukum syariah daripada Allah supaya membeli dengan harga yang murah. Maka, celakalah ke dalam gaung neraka dengan sebab apa-apa yang mereka tulis dengan tangan-tangan mereka dan celakalah ke dalam gaung neraka kepada mereka dengan sebab apa-apa yang mereka usahakan!” (Surah al-Baqarah: 79)

Allah juga menguji Ibrahim AS supaya menyembelih Ismail AS, anak kesayangannya.

Firman Allah SWT:

(فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَؤِيَّ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا بَنِئِ أَدْعَلُ  
مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٣١﴾ فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ ﴿١٣٢﴾ وَنَدَيْتُهُ أَنْ  
يَا بُرَاهِيمُ ﴿١٣٤﴾ قَدْ صَدَّقْتَ الرُّؤْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٥﴾ إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ ﴿١٣٦﴾  
وَفَدَيْنَهُ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٣٧﴾ وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ﴿١٣٨﴾ سَلَّمَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ ﴿١٣٩﴾ كَذَلِكَ نَجْزِي  
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٠﴾ إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٤١﴾)

*“Maka, apabila anaknya (Ismail AS) sampai umur boleh menemaninya berjalan bersamanya, tiba-tiba Ibrahim berkata, ‘Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya, aku bermimpi (Allah mewahyukan) bahawa aku menyembelihmu! Maka, fikirkanlah apa pendapatmu.’ Ismail berkata, ‘Wahai ayah kesayanganku, buatlah apa-apa yang diperintahkan Allah! Insyallah, nescaya ayah dapati aku adalah daripada kalangan orang-orang yang sabar.’ (102) Maka, kedua-duanya menyerahkan diri kepada Allah (bersedia menunaikan perintahnya), dan Ibrahim merebahkan anaknya berbaring di atas lambungnya. (103) Kami (Allah) menyeru, ‘Wahai Ibrahim, (104) engkau percaya kepada wahyu yang dimimpikan itu adalah benar perintah Allah!’ Begitulah kami memberikan ganjaran kepada orang-orang yang melakukan amalan kebaikan (taat kepada Allah). (105) Sebenarnya, ini ialah ujian daripada Allah (betapa ketaatannya kepada Allah). (106) Maka, kami gantikan dengan sembelian binatang kibas (biri-biri) yang besar. (107) Dan kami jadikan peninggalan yang menjadi pengajaran kepada orang-orang lain, (108) ‘Selamat sejahtera kepada Ibrahim!’ (109) Begitulah kami memberikan ganjaran kepada orang-orang yang melakukan amalan kebaikan. (110) Sesungguhnya, dia dimasukkan ke dalam kalangan hamba-hamba Kami yang benar-benar beriman. (111)” (Surah al-Saffat: 102-111)*

Maka, Ibrahim AS diberikan kelebihan menjadi teladan dan contoh kepada seluruh manusia dengan melakukan ibadah korban. Baginfa mendapat kelebihan yang dinyatakan oleh sabda Rasulullah SAW:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً، فَلَهُ أَجْرُهَا، وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْءٌ، وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً، كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا، وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يُؤْزَرَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ.

*“Sesiapa yang menunjukkan ajaran yang baik dalam Islam, maka dia mendapat pahalanya dan pahala orang yang mengikutinya selepasnya, tanpa dikurangkan pahalanya sedikit pun. Dan sesiapa yang menunjukkan perkara yang buruk dalam Islam, maka dia mendapat dosanya dan dosa orang yang mengikutinya selepasnya, tanpa dikurangkan dosanya sedikit pun.” (Riwayat*



**Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Zakah, No. 1017, daripada Jarir bin 'Abdillah)**

Maka, ibadah korban menyembelih binatang ternakan menjadi ibadah kepada umat Muhammad SAW. Oleh kerana daging korban itu daripada ibadah, maka hendaklah dibahagikan secara percuma. Jumhur ulama (sebahagian besar para ulama') mengatakan haram menjadikan upah daripada kulit, daging, dan apa-apa sahaja daripada binatang korban itu.

Firman Allah SWT:

(لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنَّ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ كَذَلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِشُكْرٍ وَأَلَّهُ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾)

*“Daging-daging dan darah-darah binatang korban tidak dapat mencapai keredaan Allah, tetapi ketaqwaan daripada kamulah yang dapat mencapainya. Demikianlah Allah telah menundukkan untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayah-Nya kepada kamu. Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat baik.” (Surah al-Hajj: 37)*

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah!

Marilah kita mengambil teladan daripada keikhlasan Nabi Ibrahim AS kepada Allah dengan mengabdikan diri melalui apa-apa sahaja pengorbanan, menandakan Islam yang ikhlas menyerah diri kepada-Nya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ،

(وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾)

*“Dan tidak harus bagi seseorang lelaki dan perempuan yang beriman, apabila Allah dan rasul-Nya menentukan sesuatu perkara, lalu dia membuat pilihan dalam urusan mereka, dan sesiapa yang menderhakai Allah dan rasul-Nya, maka sesungguhnya, dia menjadi sesat yang nyata.” (Surah al-Ahzab: 36)*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَنَصَرَهُ وَوَالَاهُ. أَمَّا بَعْدُ:

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى.

Muslimin dan Muslimat sekalian!

Marilah pada hari raya ini kita merasakan betapa besarnya ni'mat iman dan Islam yang dikurniakan kepada kita oleh Allah SWT. Dan hanya kematian dalam iman dan Islam sahaja yang diredai oleh Allah sebagaimana firman-Nya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam.” (Surah Ali ‘Imran: 102)*

Pada hari ini juga hendaklah kita ingat betapa besarnya ni'mat persaudaraan yang dianjurkan dalam agama. Tanda iman seseorang ialah dia kasih kepada saudara seagama dengannya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri. Sabda Rasulullah SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

*“Tidak beriman seseorang dalam kalangan kalian sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih akan dirinya sendiri.” (Riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, no. 13, daripada Anas bin Malik)*

Sehubungan dengan itu, hendaklah lahir di dalam hati setiap orang Islam perasaan sedih terhadap bala bencana dan kesusahan yang menimpa umat Islam di serata dunia, sama ada mereka yang ditimpa gempa bumi, peperangan, kemiskinan, kebuluran mahupun wabak penyakit. Begitu juga terhadap umat Islam yang sedang dijajah, dizalimi dan dibunuh serta ditindas seperti yang sedang berlaku di Palestin, Iraq, Syria, China, Myanmar dan sebagainya.

Jika tidak mampu membantu mereka dengan wang ringgit dan tenaga, sekurang-kurangnya melalui doa dan munajat kepada Allah supaya Allah memberikan pertolongan kepada mereka dan membebaskan mereka daripada penderitaan dan kezaliman manusia yang dihadapi itu.

Muslimin dan Muslimat sekalian!

Pada hari yang mulia dan penuh berkat ini, marilah kita membanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW yang telah menyampaikan Islam kepada kita setelah melalui pelbagai bentuk jihad dan pengorbanan. Tanda kasih kita kepada Baginda dirakamkan melalui ucapan selawat dan salam sebagai mematuhi perintah Allah dalam al-Quran:

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

*“Sesungguhnya, Allah dan malaikat-Nya sentiasa berselawat ke atas Nabi. Maka, wahai orang-orang beriman ucapkanlah selawat dan salam ke atasnya dengan sungguh-sungguh.” (Surah al-Ahzab: 56)*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَذُنُوبَ وَالِدِينَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِغَارًا. رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَإِخْوَانَنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالتَّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ، وَالظُّلْمَ وَالظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ زِدْ كَيْدَهُمْ عَلَى نُحُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَدِّتْ كَلِمَتَهُمْ وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمَجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي عَزَّةَ، وَفِي الْعِرَاقِ، وَفِي سُورِيَا، وَفِي كَشْمِيرِ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ. اللَّهُمَّ قَوِّ عَزَائِمَهُمْ، وَاجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَثَبِّتْ أَقْدَامَهُمْ، وَانصُرْهُمْ عَلَى أَعْدَائِهِمْ.

اللَّهُمَّ آتِ أَنْفُسَنَا تَقْوَاهَا، وَزَكَّيْهَا أَنْتَ خَيْرٌ مِنْ زَكَّاهَا، أَنْتَ وَلِيِّهَا وَمَوْلَاهَا. اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارزُقْنَا اتِّبَاعَهُ، وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارزُقْنَا اجْتِنَابَهُ. اللَّهُمَّ أَصْلِحْ سُلْطَانَنَا، وَأَيِّمْتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِي مَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ. رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ الْحَمْدُ.